

# KAJIAN DOA ANTARA DUA SUJUD (DADS) MELALUI KARYA SENI DENGAN PENGGABUNGAN LIRIK, LAGU DAN MUZIK SECARA DIDIK HIBUR

## *A STUDY ON THE SUPPLICATION BETWEEN TWO PROSTRATIONS (DADS) THROUGH ARTISTIC CREATION WITH THE COMBINATION OF LYRICS, SONG, AND MUSIC USING EDU-TAINMENT*

Jezean Md Diah<sup>1\*</sup>

Martini Mohamad<sup>2</sup>

Azmee Abdul Manap @ Daqmie<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

(E-mail: jezean@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Kolej Vokasional Klang, Km 3, Persiaran Tengku Ampuan Rahimah, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

(E-mail: tni\_76@yahoo.com)

<sup>3</sup>School of Creative Industry Management and Performing Arts (SCIMPA), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

(E-mail: daqmiemusiqfactory@gmail.com)

\*corresponding author

### Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

### To cite this document:

Md Diah, J. Mohamad, M. & Manap, A. A, M. (2018). Kajian Doa Antara Dua Sujud (DADS) melalui karya seni dengan penggabungan lirik, lagu dan muzik secara didik hiburan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 248 -258.

**Abstrak:** *Doa Antara Dua Sujud (DADS) merupakan doa yang dibaca ketika seseorang berada di posisi duduk di antara dua sujud dalam solat yang mana bacaan ini merupakan doa yang mengandungi permohonan pengampunan, rahmat, perlindungan, peningkatan darjat, rezeki, petunjuk, kesihatan dan keampunan kepada Allah SWT. Namun begitu, tidak dapat dipastikan sejauhmana tahap penghayatan dan amalan Doa Antara Dua Sujud ini dipraktikkan oleh masyarakat muslim dalam kehidupan harian masa kini. Justeru kajian Doa Antara Dua Sujud melalui ciptaan karya seni dengan penggabungan lirik, lagu dan muzik secara harmoni dijalankan untuk melihat sejauh mana penerimaan dalam kalangan masyarakat terhadap pendekatan ini. Pendekatan didik hiburan kreatif dan inovatif berdasarkan elemen kontemporari dapat membantumenyampaikan maksud Doa Antara Dua Sujud ini dengan mudah dan diterima oleh semua lapisan masyarakat. Dapatan soal selidik keberkesanan yang dijalankan secara kuantitatif mendapati jangkauan Doa Antara Dua Sujud yang disampaikan melalui lagu bertajuk Doa Antara Dua Sujud lebih mudah difahami maksudnya, diingati, dihayati dan diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu diharapkan kaedah yang digunakan dengan menggunakan pendekatan Didik Hibur melalui ciptaan karya seni lagu dapat memberi manfaat dan kesan positif kepada semua lapisan masyarakat melalui penghayatan dan pengamalan Doa Antara Dua Sujud ini dalam kehidupan seharian.*

**Kata kunci:** *Didik Hibur, Doa Antara Dua Sujud, Karya Seni*

**Abstract:** *The Supplication Between Two Prostrations (DADS) is a prayer recited when a person is seated between the two prostrations in prayer (salat). This supplication contains pleas for forgiveness, mercy, protection, elevation of status, sustenance, guidance, health, and pardon from Allah SWT. However, the level of reflection and practice of this prayer among the Muslim community in modern daily life is uncertain. Therefore, this study explores the Supplication Between Two Prostrations through the creation of an artistic work that harmoniously combines lyrics, song, and music to assess the community's reception to this approach. A creative and innovative edu-tainment approach, based on contemporary elements, can help convey the meaning of the Supplication Between Two Prostrations in a way that is easily understood and accepted by all segments of society. The findings from a quantitative survey on the effectiveness of this method revealed that the Supplication Between Two Prostrations, conveyed through a song titled "Doa Antara Dua Sujud," was easier to understand, remember, reflect upon, and embrace by various segments of the community. Hence, it is hoped that this method, utilizing the edu-tainment approach through the creation of a musical artistic work, can provide benefits and have a positive impact on all layers of society by encouraging reflection on and the practice of the Supplication Between Two Prostrations in daily life.*

**Keywords:** *Edu-Tainment, Supplication Between Two Prostrations, Artistic Creation*

## **Pendahuluan**

Kajian ini adalah mengenai ciptaan lagu Doa Antara Dua Sujud (DADS) melalui karya seni yang menggabungkan lirik dan muzik secara mendidik dan menghiburkan yang akan membawa kepada penghayatan makna doa dalam kehidupan. DADS merupakan saat penting dalam solat bagi umat Islam di mana pada ketika ini mereka berkomunikasi secara langsung dengan Tuhan di mana manusia menyatakan keperluan, harapan, dan pengabdian mereka kepada Pencipta. Tetapi bagaimanakah kita boleh mendekati detik suci ini dari perspektif seni dan kreativiti?. Karya seni, dalam bentuk lirik, lagu dan muzik, boleh menjadi saluran yang kuat untuk menyatakan perasaan keagamaan, kesyukuran dan introspeksi rohani. Penggabungan unsur-unsur ini secara bersama secara harmoni mungkin menghasilkan pengalaman yang mendalam dan bermakna bagi penganut agama Islam. Melalui kajian ini, pengkaji akan meneroka bagaimana karya seni khususnya dalam bentuk muzik dan lirik dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan DADS. Dengan menggabungkan perkataan yang bermakna, melodi yang menyentuh jiwa, dan harmoni yang membangkitkan rohani, ianya boleh mencipta pengalaman yang menggabungkan kerohanian dengan keindahan artistik. Karya seni melalui ciptaan lagu yang indah ini bukan sahaja merupakan satu bentuk ekspresi peribadi malah ia juga boleh menjadi alat dakwah yang berkesan. Dalam era moden yang penuh dengan cabaran, muzik dan seni mempunyai satu elemen kuasa untuk mencapai dan mempengaruhi semangat manusia dengan cara yang unik dan mendalam. Oleh itu, melalui kajian ini, kita juga dapat meneroka potensi karya seni dalam menyebarkan mesej agama dan nilai kerohanian kepada masyarakat. Justeru, melalui pendekatan ini, kita bukan sahaja akan mendalami kefahaman tentang DADS, tetapi juga membuka peluang untuk meneroka dimensi baharu dalam seni dan agama. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang berharga tentang bagaimana seni boleh menjadi penghubung antara manusia dengan Tuhan, dan bagaimana kita boleh menggunakan kreativiti kita untuk meningkatkan hubungan rohani kita dengan Yang Maha Esa.

## **Sorotan Literatur**

Kajian Doa Antara Dua Sujud (DADS) melalui karya seni yang menggabungkan lirik, lagu dan muzik dengan pendekatan didik hiburan adalah merupakan suatu topik yang menarik dan kompleks. Walaupun mungkin tidak banyak penyelidikan yang secara khusus tentang DADS ini, terdapat beberapa kajian terdahulu yang boleh dikaitkan serta memberikan pandangan yang berguna:

### **Interaksi antara Seni dan Kerohanian**

Banyak kajian seni seperti Nor Amalina dan Khazri (2022), Nurlaelah (2023), Makmur dan Abdullah Yusof (2009) telah menonjolkan hubungan antara seni dan kerohanian. Dalam konteks ini, DADS sebagai sebahagian daripada ritual agama Islam boleh dianggap sebagai subjek yang berpotensi untuk diterokai melalui seni, sama ada seni visual, muzik mahupun teater.

### **Estetika dalam Solat**

Beberapa kajian estetik seperti Mhd Faizal Mhd Ramli et al. (2015), Wan Zakiah Wan Yunus et al. (2013) dan Suhrawardi Saidin dan Mohd Syakir Mohd Rosdi (2021) telah cuba memahami bagaimana solat dalam konteks keagamaan diterjemahkan ke dalam bentuk seni. Ini melibatkan menganalisis bahasa, muzik dan ungkapan artistik lain yang digunakan dalam proses ini.

### **Psikologi Kepelbagaian**

Penyelidikan dalam psikologi kepelbagaian seperti Azizi Yahaya et al. (2008), Jusiah Idang et al. (2021), Mohamad Taha Abol & Zaimuariffudin Shukri Nordin (2023) boleh memberikan gambaran tentang bagaimana amalan agama, termasuk DADS, mempengaruhi kesejahteraan rohani individu dan masyarakat, serta bagaimana seni boleh menjadi medium untuk mengekspresikan dan mengukuhkan pengalaman dalam keagamaan ini.

### **Penggabungan Media dalam Seni**

Terdapat beberapa kajian yang memfokuskan kepada penggabungan media dalam seni, seperti seni persembahan multimedia atau pemasangan seni (Nur Hidayah Mohd Abd Malik et al., 2013) (Jasni Dolah, 2015) (Mohd Firdaus Naif Omran Zailuddin et al., 2021). Konsep ini boleh diaplikasikan dalam konteks penciptaan karya seni bertemakan DADS, di mana lirik, lagu dan muzik digabungkan secara harmoni untuk menyampaikan mesej agama.


### **Kajian Antara Disiplin**

Penyelidikan yang menggabungkan pengajian agama, seni dan disiplin lain seperti muzikologi, antropologi dan kajian budaya, boleh memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang cara DADS difahami dan digunakan dalam konteks artistik (Wan Zakiah Wan Yunus et al., 2013) (Ahmad Sahlan Abdul Hatim dan Rosmawati Mohamad Rasit, 2015) (Nang Nashirah Nik Dahalan et al., 2024).

Dalam menjalankan kajian seperti ini, Nur Asmadayana Hasim et al. (2021) ada menyatakan adalah penting untuk memberi perhatian kepada sensitiviti budaya dan agama dan memastikan pendekatan yang digunakan menghormati dan memahami konteks agama Islam dan nilai-nilai yang terkandung seperti dalam DADS.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan dua fasa utama iaitu fasa 1 adalah penghasilan lagu yang merangkumi beberapa langkah dan fasa 2 adalah pelaksanaan kaji selidik keberkesanan lagu tersebut kepada pendengar. Metodologi dalam fasa 1 lebih kepada penciptaan lagu berdasarkan langkah berikut iaitu: (i) mengkaji semua mesej daripada doa antara dua sujud (ii) transformasi- membawa mesej tersurat melalui lirik yang mudah difahami (iii) penghasilan- menggabungkan lirik dengan elemen muzik untuk menjadi lagu yang menghiburkan dan mudah difahami, menghasilkan lagu yang dapat meningkatkan makna untuk setiap mesej dan menggunakan lagu sebagai media bagi para pendengar mempraktikkan nasihat yang terdapat dalam doa antara dua sujud yang menyeluruh, (vi) berlatih- menyanyikan atau mendengar nyanyian menggunakan bahasa yang sesuai di mana dalam kajian ini bahasa yang digunakan dalam lagu Doa Antara Dua Sujud adalah Bahasa Melayu yang merupakan Bahasa Kebangsaan negara Malaysia. Rajah 1 menunjukkan Carta Alir Pelaksanaan Kajian Doa Antara Dua Sujud Fasa 1.




**Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Kajian Doa Antara Dua Sujud Fasa 1**

Dalam fasa 2, keberkesanan lirik lagu melalui penghayatan dan pemahaman responden yang mendengar lagu tersebut ditinjau melalui pendekatan kuantitatif menggunakan *Google Form (GF)* yang diedarkan secara atas talian. Melalui kajian ini, analisis deskriptif dijalankan ke atas data yang diperolehi melalui tinjauan soal selidik tersebut. Kajian telah dilaksanakan dengan melibatkan 80 responden yang sah dan terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang mendengar lagu Doa Antara Dua Sujud (DADS) bagi ujian kesahan kandungan kajian ini. Pendekatan ini adalah untuk memastikan data primer dikumpulkan berdasarkan objektif kajian.


### Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Demografi responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada jantina, umur, pekerjaan dan persepsi umum terhadap keberkesanan Doa Antara Dua Sujud (DADS) yang telah dilalui oleh responden sebelum dan selepas mendengar melalui lagu yang didendangkan melalui saluran internet (contoh seperti *YouTube* dan lain-lain). Merujuk Rajah 2, dapatan mendapati bahawa jantina bagi kajian penyelidikan ini kebanyakannya adalah lelaki iaitu sebanyak 53.75% berbanding dengan perempuan sebanyak 46.25%.




**Rajah 2: Peratus Pembahagian Jantina Responden**

Merujuk Rajah 3, dapatan mendapati bahawa umur responden yang memberi respon terhadap kajian penyelidikan ini adalah di antara 4 tahun ke 60 tahun ke atas. Didapati responden lingkungan umur di antara 40 - 59 tahun yang paling ramai jika dibandingkan dengan umur yang lain.




**Rajah 3: Peratus Pembahagian Umur Responden**

Merujuk Rajah 4, dapatan mendapati bahawa pekerjaan bagi kajian penyelidikan ini adalah terbahagi kepada enam kategori iaitu kakitangan awam (33.75%), kakitangan swasta (27.5%), bekerja sendiri (25%), tidak bekerja (7.5%), pelajar (5%) dan sendiri sebagai pesara (1.25%).




**Rajah 4: Peratus Pembahagian Pekerjaan Responden**

Persepsi umum terhadap keberkesanan doa antara dua sujud yang telah dilalui sebelum dan selepas mendengar melalui lagu oleh responden adalah seperti berikut. Berdasarkan analisis Rajah 5, dapatan menunjukkan 72.5% memilih skala 4 iaitu ‘sangat setuju’ bagi item “Saya terhibur”, diikuti 27.5% memilih skala 3 iaitu ‘setuju’ dan 0% bagi pilihan skala 2 iaitu ‘tidak setuju’ dan skala 1 iaitu ‘sangat tidak setuju’.




**Rajah 5: Peratus Dapatan Berdasarkan Persepsi “Saya Terhibur”**

Berdasarkan analisis Rajah 6, dapatan menunjukkan 81.25% memilih skala 4 iaitu ‘sangat setuju’ bagi item “Saya dapat nasihat / manfaat”, diikuti 18.75% memilih skala 3 iaitu ‘setuju’, manakala bagi pilihan skala 2 iaitu item ‘tidak setuju’ dan skala 1 iaitu item ‘sangat tidak setuju’ adalah 0%.




**Rajah 6: Peratus Dapatan Berdasarkan Persepsi “Saya Dapat Nasihat / Manfaat”**

Berdasarkan analisis Rajah 7, dapatan menunjukkan 83.75% memilih skala 4 iaitu ‘sangat setuju’ bagi item “Saya boleh ingat nasihat yang diberikan”, diikuti 16.25% memilih skala 3 iaitu ‘setuju’ dan 0% untuk pilihan skala 2 iaitu ‘tidak setuju’ dan skala 1 iaitu ‘sangat tidak setuju’.




**Rajah 7: Peratus Dapatan Berdasarkan Persepsi “Saya Boleh/Mudah Ingat Maksud DADS”**

Berdasarkan analisis Rajah 8, dapatan menunjukkan 77.5% memilih skala 4 iaitu ‘sangat setuju’ bagi item “Lagu ini ringkas, santai dan senang difahami tentang Doa Antara Dua Sujud (DADS) yang hendak disampaikan”, diikuti 22.5% memilih skala 3 iaitu ‘setuju’, manakala bagi pilihan skala 2 dan 1 iaitu item ‘tidak setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’ adalah 0%.



**Rajah 8: Peratus Dapatan Berdasarkan Persepsi “Lagu Ini Ringkas, Santai Dan Senang Difahami Tentang Doa Antara Dua Sujud (DADS)”**


Berdasarkan analisis Rajah 9, dapatan menunjukkan 72.5% memilih skala 4 iaitu ‘sangat setuju’ bagi item “Saya akan bagi tahu kawan saya”, diikuti 27.5% memilih skala 3 iaitu ‘setuju’ dan 0% untuk pilihan skala 2 iaitu ‘tidak setuju’ dan skala 1 iaitu ‘sangat tidak setuju’.



**Rajah 9: Peratus Dapatan Berdasarkan Persepsi “Saya Akan Bagi Tahu Kawan Saya”**

Berdasarkan analisis Rajah 10, dapatan menunjukkan 70% memilih skala 4 iaitu ‘sangat setuju’ bagi item “Saya dapat rasakan ketenangan bila mendengar lagu ini”, diikuti 30% memilih skala 3 iaitu ‘setuju’ dan 0% memilih skala 2 iaitu ‘tidak setuju’ dan skala 1 iaitu ‘sangat tidak setuju’.





**Rajah 10: Peratus Dapatan Berdasarkan Persepsi “Saya Dapat Rasakan Ketenangan Bila Mendengar Lagu Ini”**

Bahagian ini melaporkan perbincangan dapatan kajian tahap Doa Antara Dua Sujud (DADS) melalui karya seni dengan penggabungan lirik, lagu dan muzik secara didik hibur berdasarkan hasil analisis data daripada Rajah 2 - 10. Secara keseluruhannya daripada analisis data tersebut, mendapati kebanyakannya peratus tertinggi dapatan persepsi responden adalah pada pilihan item ‘sangat setuju’ yang mana dapatan menunjukkan lebih 70% responden sangat setuju bagi setiap item persepsi umum terhadap keberkesanan lagu Doa Antara Dua Sujud (DADS).

### Kesimpulan

Kajian Doa Antara Dua Sujud (DADS) melalui karya seni dengan penggabungan lirik, lagu, dan muzik secara didik hibur menekankan pada pendekatan pendidikan yang menghibur untuk memperkenalkan dan menghayati doa ini. Kesimpulan dari kajian ini dapat diringkaskan sebagai berikut:

- i. **Pendekatan Kreatif dalam Pendidikan Agama**  
Penggunaan karya seni seperti lirik, lagu, dan muzik dapat membuat proses pembelajaran lebih menarik dan menyenangkan. Pendekatan ini dapat membantu pendengar memahami dan mengingat doa dengan lebih baik melalui elemen yang mereka nikmati.
- ii. **Penggabungan Elemen Estetika dan Spiritual**  
Karya seni yang menggabungkan elemen estetika (keindahan lirik dan muzik) dengan nilai-nilai spiritual (makna doa antara dua sujud) menciptakan pengalaman yang mendalam dan menyentuh hati. Ini membantu memperkuat ikatan emosional dan spiritual terhadap doa tersebut.
- iii. **Didik Hibur sebagai Metodologi Efektif**  
Pendekatan didik hibur (*edu-tainment*) terbukti efektif dalam menyampaikan pesan keagamaan. Dengan menggabungkan pendidikan dan hiburan, anak-anak dan remaja dapat lebih mudah menerima dan menginternalisasi ajaran-ajaran agama.
- iv. **Menguatkan Memori dan Pemahaman**  
Melalui lagu dan muzik, lirik doa menjadi lebih mudah diingat. Melodi dan ritma membantu dalam memperkuat ingatan, sehingga pendengar lebih cepat menghafal dan memahami DADS.

- v. **Penerimaan dan Keterlibatan Lebih Tinggi**  
Kaedah ini cenderung meningkatkan minat dan keterlibatan pendengar. Mereka lebih bersemangat untuk belajar dan lebih aktif dalam kegiatan pembelajaran.
- vi. **Peningkatan Kualiti Pengajaran Agama**  
Integrasi seni dalam pengajaran DADS dapat meningkatkan kualiti pendidikan agama. Pendekatan didik hibur melalui lagu DADS dapat disampaikan dengan cara yang lebih menarik dan interaktif, sehingga meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggabungan lirik, lagu, dan muzik dalam konteks didik hibur adalah kaedah yang efektif dan menarik untuk mendalami makna Doa Antara Dua Sujud (DADS). Pendekatan ini tidak hanya mempertingkatkan pengalaman belajar tetapi juga memperdalam pemahaman dan penghayatan spiritual seorang muslim.

### Rujukan

- Ahmad Sahlan Abdul Hatim dan Rosmawati Mohamad Rasit (2015) - Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Kesenian Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah, *Al-Hikmah* 7(1) 2015: 132-148
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon (2008), *Psikologi Pendidikan*, Penerbit UTM ISBN 978-983-52-0536-1.
- Jasni Dolah (2015), Masa Depan Karya Seni Media Baru, *International Journal of Creative Futures and Heritage*, Vol 3, Issue No 2, pp 123-131.
- Jusiah Idang, Hanisah Halim, Murnizam Halik, Sabariah Sharif (2021) - Isu Sosioemosi dalam kalangan Pelajar Sekolah Rendah di Negeri Sabah, *Jurnal Psikologi Malaysia* 35 (3) (2021): 1- 12 ISSN-2289-8174
- Makmur dan Abdullah Yusof (2009) - Isyarat dan Manifestasi Seni dalam Al-Quran - Satu Sorotan, *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4 (2009)67-79.
- Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming@Toklubo (2015), Kesorasian Lafaz Gaya Bahasa Jinas dalam Kitab Al-Hikam Al-'Ata'iyah : Kajian Nilai Estetika, *Issues in Language Studies* (Vol. 4 No. 2 - 2015) (e-ISSN 2180-2726)
- Mohamad Taha Abol & Zaimuariffudin Shukri Nordin (2023) - Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Murid Kurang Upaya Intelektual dalam Program Pendidikan Inklusif di Sarawak, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562) 2023, Volume 8, Issue 12, e002599
- Mohd Firdaus Naif Omran Zailuddin, Arif Datoem, Nasirin Abdillah, Yuhanis Ibrahim, Muhammad Abdullah (2021), *Perubahan Sosial: Pengaruh Media Sosial Dalam Karya Seni Bakat Muda Sezaman*, *Kupas Seni, Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* SSN 2289-4640 /eISSN 0127-9688 /Vol. 9 No. 2 2021 (1-11)
- Nang Nashirah Nik Dahalan, Yasmin Ahmad, Mardzelah Makhsin (2024), Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya Dalam Kalangan Guru dan Bakal Guru, *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, Volume 9 Issue 53 (March 2024) PP. 435-443, DOI 10.35631/IJEPC.953033.
- Nor Amalina dan Khazri (2022), Pendekatan Dakwah melalui Kesenian, *Seminat Dakwah & Wahdah Al-Ummah, Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*, 14-15 Julai 2022, *Fakulti Pengajian Islam, UKM*

- Nur Asmadayana Hasim, Latifah Amin, Zurina Mahadi, Nor Ashikin Mohamed Yusof, Mashitoh Yaacob (2021), *Islamiyyat* 43(1) 2021:61-72 (<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-06>).
- Nur Hidayah Mohd Abd Malik, Norhidayatul Akmal Mohamad, Mohd Amir Mursyid Abdul Rahman, Md Rozalafri Johori (2013), *Media Massa-Strategi Dakwah Dalam Menghadapi Peperangan Maklumat*
- Nurlaelah (2023), *Peranan Kegiatan Ekstrakurikuler Kerohanian Islam Ikramulla terhadap Pembinaan Akhlak Peserta Didik SMA Negeri 1 Kabupaten Maros*, ISSN: 2614-6754, Volume 7 Nomor 3 Tahun 2023
- Suhrawardi Saidin dan Mohd Syakir Mohd Rosdi (2021), *Pendekatan Kesenian dalam Pendidikan Solat di Peringkat Sekolah Rendah - Satu Sorotan Karya*, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Volume: 6 Issues: 39 [September, 2021] pp. 319 - 325].
- Wan Zakiah Wan Yunus, Engku Razinawaty Engku Chik, Yusni Mohamad Yusak (2013), *Seni Dalam Islam*, Curriculum Development and Assessment Section, Curriculum Development and Career Training Division, Department of Polytechnic Education, MOHE Galeria PjH, Aras 4, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.